

JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN SABAH

PENGURUSAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN AWAM DI NEGERI SABAH

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- JPP Sabah menguruskan sebanyak 1,025 aset pembetungan awam yang terdiri daripada 586 Loji Rawatan Kumbahan (LRK) bersambung, 351 LRK tidak bersambung dan 13 kolam oksidasi. Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) pula menguruskan sebanyak 75 aset pembetungan awam di daerah Kota Kinabalu yang terdiri daripada 74 LRK tidak bersambung dan satu kolam oksidasi.
- Pagaudit dilaksanakan terhadap pengurusan perkhidmatan pembetungan awam bagi tahun 2020 hingga 2022 melibatkan projek RMKe-11. Ia meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan perkhidmatan pembetungan awam.
- Prestasi perkhidmatan pembetungan awam meliputi pencapaian output dan keberhasilan. Pencapaian output terdiri daripada penyiapan projek RMKe-11. Pencapaian keberhasilan adalah meliputi pematuhan terhadap kualiti sisa kumbahan yang dilepaskan daripada projek yang dilaksanakan. Aspek pengurusan pula meliputi prestasi kewangan dan penguatkuasaan Enakmen Perkhidmatan Pembetungan 2017 Negeri Sabah (EPP 2017).
- Pagaudit dijalankan di Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Negeri Sabah (JPP Sabah). Lawatan fizikal dilaksanakan terhadap enam (31.6%) daripada 19 projek yang bernilai RM659.81 juta (93.9%) di daerah Kota Kinabalu, Penampang, Putatan, Keningau, Tenom dan Beaufort.
- Jumlah peruntukan pembangunan yang diterima JPP Sabah bagi pengurusan perkhidmatan pembetungan awam dalam RMKe-11 berjumlah RM702.87 juta. Projek terdiri daripada empat projek pembinaan LRK dengan kos RM653.95 juta dan 15 projek membaikpulih dengan kos RM48.92 juta.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada projek pembinaan serta membaik pulih infrastruktur pembetungan awam yang dilaksanakan adalah cekap dan berkesan untuk menyediakan infrastruktur pembetungan serta pemuliharaan sumber air melalui pematuhan kualiti sisa kumbahan.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa tiga (75%) projek pembinaan infrastruktur perkhidmatan pembetungan awam dan kesemua (100%) projek membaik pulih aset pembetungan awam telah disiapkan dan telah berfungsi sepenuhnya kecuali Skim Pembetungan Beaufort. Skop projek yang telah siap dibina telah tercapai dan dapat merawat sisa kumbahan dengan mematuhi had pelepasan yang dibenarkan. Bagaimanapun, terdapat isu kadar caj, penalti dan kompaun yang belum dimuktamadkan bagi membolehkan hasil perkhidmatan pembetungan dikutip oleh JPP Sabah.
- Pencapaian Output
 - Sebanyak dua (50%) daripada empat projek telah siap dalam tempoh RMKe-11 yang ditetapkan. Bagaimanapun satu projek telah disiapkan dalam tempoh RMKe-12 manakala satu projek masih belum siap walaupun telah diluluskan tempoh lanjutan masa (EOT) selama 1,276 hari. Selain itu, 14 projek membaik pulih aset pembetungan awam telah disiapkan dalam RMKe-11 termasuk lima daripadanya disiapkan dalam tempoh EOT manakala satu projek disiapkan dalam RMKe-12 dan disiapkan dalam tempoh EOT.
- Pencapaian Keberhasilan
 - LRK yang telah siap dibina telah berfungsi bagi merawat sisa kumbahan yang mematuhi kualiti pelepasan yang dibenarkan bagi memulihara sumber air.
- Pengurusan Perkhidmatan Pembetungan
 - Fungsi JPP Sabah di bawah EPP 2017 bagi melaksanakan fungsi kawal selia dan kuasa tunggal terhadap perkhidmatan pembetungan masih belum dapat dilaksanakan kerana peraturan perlesenan, caj dan kompaun masih belum dimuktamadkan.

Apa yang disyorkan Audit?

- Bagi mengatasi kelemahan yang berbangkit adalah disyorkan supaya KKR Sabah dan JPP Sabah yang terlibat secara langsung dengan perkhidmatan pembetungan mengambil tindakan berikut:
 - menyiapkan projek Skim Pembetungan Beaufort termasuk menyelesaikan isu berbangkit iaitu permohonan penamatan sukarela;
 - memperincikan dan memuktamadkan kadar caj, penalti dan kompaun dalam EPP 2017 bagi membolehkan JPP Sabah mengenakan dan mengutip hasil perkhidmatan pembetungan; dan
 - menetapkan satu garis masa bagi memuktamadkan peraturan enakmen bagi menguatkuasakan sepenuhnya perkhidmatan pembetungan negeri Sabah serta mengutip hasil di bawah bidang kuasa JPP Sabah.

JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN SABAH

3. PENGURUSAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN AWAM DI NEGERI SABAH

FAKTA UTAMA

19 PROJEK RMKe-11	RM702.87 JUTA	1,025 ASET PEMBETUNGAN
<ul style="list-style-type: none">• 4 Projek Pembinaan• 15 Projek Membaiik pulih	<ul style="list-style-type: none">• RM653.95 Juta Projek Pembinaan• RM48.92 Juta Projek Membaiik pulih	Jumlah setakat tahun 2022: JPP Sabah <ul style="list-style-type: none">• 586 LRK - Sistem Pembetungan Bersambung• 351 LRK - Sistem Pembetungan Tidak Bersambung• 13 Kolam Oksidasi DBKK <ul style="list-style-type: none">• 74 LRK - Sistem Pembetungan Tidak Bersambung• 1 Kolam Oksidasi
Kementerian Kerja Raya Negeri Sabah (KKR Sabah)	Bertanggungjawab menggubal dasar dan polisi perkhidmatan pembetungan.	
Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sabah (JPP Sabah)	Bertanggungjawab terhadap perkhidmatan pembetungan awam di Sabah mulai tahun 2020.	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Perkhidmatan pembetungan awam telah diperkenalkan di negeri Sabah sejak tahun 1970-an melibatkan rawatan secara semulajadi dan mekanikal. Perkhidmatan pembetungan ialah proses mengumpul, menghantar, merawat sisa kumbahan dan menyenggara sistem pembetungan dan tangki septik. Terdapat dua jenis perkhidmatan pembetungan iaitu sistem pembetungan bersambung dan perkhidmatan menggunakan tangki septik. Sistem pembetungan bersambung merupakan perkhidmatan yang menyambungkan saluran paip pembetungan dari premis ke loji rawatan kumbahan (LRK) awam atau kolam oksidasi yang dikendalikan oleh operator awam untuk proses rawatan sisa kumbahan dalam kawasan perkadaran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pembetungan menggunakan tangki septik digunakan bagi premis secara individu seperti hotel dan taman perumahan yang tidak disambungkan ke LRK awam.

1.2. Sehingga tahun 2019, perkhidmatan pembetungan awam dilaksanakan oleh Cawangan Pembetungan Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah (JKR Sabah) dan PBT. Perkhidmatan pembetungan awam tersebut dilaksanakan di bawah Seksyen 83(b) dan 97(i) Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 serta seksyen 112 dan 113 Ordinan Kesihatan Awam.

1.3. Bermula tahun 2020, JPP Sabah telah ditubuhkan untuk mengambil alih fungsi JKR Sabah dan PBT seluruh negeri Sabah selaras dengan kelulusan Enakmen Perkhidmatan Pembetungan 2017 (EPP 2017) Negeri Sabah di Dewan Undangan Negeri Sabah (DUN Sabah). EPP 2017 Negeri Sabah bertujuan menjadikan JPP Sabah sebagai agensi tunggal bagi menguruskan perkhidmatan pembetungan negeri Sabah. Sehingga kini, masih terdapat sebahagian aset sistem pembetungan awam di daerah Kota Kinabalu yang belum diserahkan kepada JPP Sabah dan sedang diuruskan oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) di bawah Seksyen 83(b) dan 97(i) Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 serta Seksyen 112 dan 113 Ordinan Kesihatan Awam.

1.4. Program perkhidmatan pembetungan awam dilaksanakan oleh JPP Sabah bagi mencapai visi Jabatan ke arah memberikan perkhidmatan pembetungan yang mampan, untuk melindungi kesihatan awam, sumber air dan alam sekitar. Bagi mencapai visi berkenaan, JPP Sabah melaksanakan fungsi yang ditetapkan dengan menyediakan infrastruktur pembetungan awam dan memulihara sumber air melalui pematuhan kualiti sisa kumbahan.

1.5. Pada tahun 2022, JPP Sabah menguruskan sebanyak 937 LRK dan 13 kolam oksidasi manakala DBKK pula menguruskan sebanyak 74 LRK dan satu kolam oksidasi dengan kapasiti aset pembetungan seluruh negeri Sabah berjumlah 1.74 juta penduduk setara (Population Equivalent [PE]).

1.6. Dalam RMKe-11, JPP Sabah telah diluluskan sejumlaah RM702.87 juta bagi melaksanakan 19 projek yang terdiri daripada empat projek pembinaan LRK dan 15 projek membaik pulih aset pembetungan.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada projek pembinaan serta membaik pulih infrastruktur pembetungan awam yang dilaksanakan adalah cekap dan berkesan untuk menyediakan infrastruktur pembetungan serta pemuliharaan sumber air melalui pematuhan kualiti sisa kumbahan.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan perkhidmatan pembetungan awam bagi projek pembetungan dalam RMKe-11. Prestasi perkhidmatan pembetungan awam meliputi pencapaian output dan keberhasilan bagi tahun 2020 hingga 2022. Pencapaian output terdiri daripada prestasi fizikal projek di bawah RMKe-11. Pencapaian keberhasilan meliputi penilaian terhadap pencapaian skop setiap projek serta pematuhan terhadap kualiti sisa kumbahan yang dilepaskan daripada projek yang dilaksanakan. Aspek pengurusan pula meliputi prestasi kewangan dan penguatkuasaan EPP 2017 Negeri Sabah.

3.2. Pengauditan dijalankan di JPP Sabah. Sebanyak enam (31.6%) daripada 19 projek bernilai RM659.81 juta di enam lokasi projek di daerah Kota Kinabalu, Penampang, Putatan, Keningau, Tenom dan Beaufort telah dipilih sebagai sampel yang terdiri daripada empat (21.1%) projek pembinaan LRK bernilai RM653.95 juta dan dua (10.5%) projek membaik pulih aset pembetungan bernilai RM5.86 juta.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan pengurusan perkhidmatan pembetungan. Lawatan fizikal dijalankan di enam lokasi projek seperti yang dipilih dalam skop pengauditan. Selain itu, perbincangan dan temu bual turut dijalankan dengan pegawai yang terlibat.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Mei hingga September 2022. Lawatan susulan Audit diadakan daripada bulan April hingga Julai 2023. Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada JPP Sabah telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 13 Oktober 2022. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan adalah seperti dalam perenggan berikut:

5.1. Pencapaian Output

5.1.1. Prestasi Fizikal Projek Pembinaan LRK

- a. Sebanyak empat projek pembinaan LRK telah diluluskan untuk disiapkan dalam tempoh RMKe-11 iaitu satu projek dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan tiga projek dibiayai melalui Pinjaman Kerajaan Persekutuan. Kesemua projek adalah sambungan dari RMKe-10. Projek Skim Pembetungan Tanjung Aru bertujuan untuk menaik taraf LRK yang berpusat di LRK Serantau Kota Kinabalu. Bagi Projek Skim Pembetungan Keningau Fasa 2, Skim Pembetungan Tenom Fasa 1 dan Skim Pembetungan Beaufort pula adalah bertujuan untuk membina LRK berpusat serta saliran pembetungan yang sistematik di tiga daerah tersebut.
- b. Berdasarkan Laporan Kemajuan Kerja Projek, pihak Audit mendapati sebanyak dua (50%) daripada empat projek telah siap dalam tempoh RMKe-11 yang ditetapkan. Bagaimanapun, satu projek telah disiapkan pada 29 Jun 2021 iaitu dalam tempoh RMKe-12 manakala satu projek masih belum siap dan telah diluluskan tempoh lanjutan masa (EOT) sehingga 22 Jun 2022. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 1** dan **Jadual 2**.

JADUAL 1
PENCAPAIAN FIZIKAL PROJEK PEMBINAAN LRK DI BAWAH RMKe-11

BIL.	PROJEK	KOS KONTRAK (RM Juta)	TARIKH MULA/ RMK	TARIKH SIAP ASAL/RMK	TARIKH SIAP SEBENAR/ RMK	SKOP PROJEK
1.	Skim Pembetungan Tanjung Aru	248.29	15.11.2013 RMKe-10	14.12.2016 RMKe-11	13.11.2018 RMKe-11	Menaik taraf LRK berpusat daripada kapasiti 75,000 PE kepada 150,000 PE.
2.	Skim Pembetungan Keningau Fasa 2	197.92	07.10.2014 RMKe-10	06.11.2017 RMKe-11	29.06.2021 RMKe-12	Membina LRK berpusat serta sistem saliran pembetungan dengan kapasiti 100,000 PE.
3.	Skim Pembetungan Tenom Fasa 1	19.33	07.08.2015 RMKe-10	06.08.2017 RMKe-11	12.07.2019 RMKe-11	Membina LRK berpusat serta sistem saliran pembetungan dengan kapasiti 10,000 PE.
4.	Skim Pembetungan Beaufort	188.41	25.12.2015 RMKe-10	24.12.2018 RMKe-11	Dalam pembinaan	Membina LRK berpusat serta sistem saliran pembetungan dengan kapasiti 80,000 PE.
JUMLAH KESELURUHAN		653.95				

Sumber: Rekod Projek RMKe-11 JPP Sabah

JADUAL 2
EOT YANG DILULUSKAN BAGI
PROJEK PEMBINAAN LRK DI BAWAH RMKe-11

BIL.	PROJEK	PERIHAL KELULUSAN EOT			
		BIL.	TEMPOH	JUMLAH (Hari)	JUSTIFIKASI
1.	Skim Pembetungan Tanjung Aru Tempoh Mula: 15.11.2013 Tarikh Siap Asal: 14.12.2016 Tarikh Siap Selepas EOT 1: 14.02.2018 Tarikh Siap Selepas EOT 2: 13.11.2018 Tarikh Siap Sebenar: 13.11.2018	2	EOT 1: 15.12.2016 – 14.02.2018 (426 Hari) Tarikh Permohonan: TM Tarikh Kelulusan : 15.12.2016	698	<i>Delay on part of supplying the electricity from Tg. Aru station to the RSTP, Penampang</i>
	Tarikh Kelulusan APK 1: 14.12.2015 (RM200) Tarikh Kelulusan APK 2: 11.11.2016 (RM354) Tarikh Kelulusan APK 3: 21.02.2018 RM2.23 juta Tarikh Kelulusan APK 4: Dalam penilaian SOFA RM0.06 juta		EOT 2: 15.02.2018 – 13.11.2018 (272 Hari) Tarikh Permohonan: TM Tarikh Kelulusan: 24.01.2018		<i>Delay on wayleave approval from relevant departments involved along the proposed Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) route connection from Tg. Aru station to the RSTP, Penampang which has resulted SESB to reschedule their work programme.</i>
2.	Skim Pembetungan Keningau Fasa 2 Tempoh Mula: 07.11.2014 Tarikh Siap Asal: 06.11.2017 Tarikh Siap Selepas EOT 1: 30.06.2018 Tarikh Siap Sebenar: 29.06.2021	1	EOT 1: 07.11.2017 – 30.06.2018 (235 hari) Tarikh Permohonan: TM Tarikh Kelulusan: 01.09.2017	235	<i>Kelewatan penyambungan meter SESB ke LRK menyebabkan kerja-kerja Testing & Commissioning (T&C) yang memerlukan bekalan elektrik tidak dapat dijalankan.</i>
	Tarikh Kelulusan APK 1: 13.07.2016 RM0.01 juta Tarikh Kelulusan APK 2: 24.08.2018 RM0.18 juta Tarikh Kelulusan APK 3: 21.02.2021 RM0.16 juta				
3.	Skim Pembetungan Tenom Fasa 1. Tempoh Mula: 07.08.2015 Tarikh Siap Asal: 06.08.2017 Tarikh Siap Selepas EOT 1: 01.08.2018 Tarikh Siap Selepas EOT 2: 29.04.2019 Tarikh Siap Sebenar: 12.07.2019	2	EOT 1: 09.05.2016 – 01.05.2017 (360 hari) Tarikh Permohonan: 02.05.2017 Tarikh Kelulusan: 03.07.2017	631	<i>Delay in giving possession of site</i>
			EOT 2: 02.08.2018 – 29.04.2019 (271 hari) Tarikh permohonan: TM Tarikh kelulusan: 17.12.2019		<i>Processing period for approval of the pipe jacking method</i>
4.	Skim Pembetungan Beaufort Tempoh Mula: 25.12.2015 Tarikh Siap Asal: 24.12.2018 Tarikh Siap Selepas EOT 1: 27.01.2020 Tarikh Siap Selepas EOT 2: 22.06.2022 Tarikh Siap Sebenar: Belum Siap	2	EOT 1: 24.12.2018 – 27.01.2020 (399 Hari) Tarikh Permohonan: 07.12.2018 Tarikh Kelulusan: 19.12.2018	1,276	<i>Disruption of contractor's works outside of scope required (delay in issuance of design drawing for additional work).</i>
	Tarikh Kelulusan APK 1: 20.08.2018 RM4.72 juta Tarikh Kelulusan APK 2: 11.11.2021 RM3.56 juta		EOT 2: 28.1.2020 – 22.06.2022 (877 Hari) Tarikh Permohonan: TM Tarikh Kelulusan: 09.06.2021		<i>Delay due S.O's instructions for VO No.2.</i>

Sumber: Rekod Projek RMKe-11 JPP Sabah

Nota: APK - Arahan Perubahan Kerja; EOT – Lanjutan Masa; TM – Tiada Maklumat

- c. Projek Skim Pembetungan Tanjung Aru telah dimulakan pada 15 November 2013 dan siap sepenuhnya pada 13 November 2018 dengan kapasiti 75,000 PE dengan menaik taraf kapasiti sedia ada kepada 150,000 PE. Semakan Audit mendapati pembinaan projek juga telah menyediakan rangkaian paip pembetungan sepanjang 22.36 km, pembinaan dua stesen pam serta penutupan 18 LRK persendirian taman perumahan/kawasan komersil/premis kerajaan selaras dengan skop projek. Tahap operasi semasa LRK adalah 120,000 PE (80%). Projek Skim Pembetungan Tanjung Aru diluluskan dua EOT sebanyak 698 hari sehingga 13 November 2018. Kelulusan EOT disebabkan SESB lewat membuat perolehan untuk melantik kontraktor dan melaksanakan kerja-kerja penyambungan bekalan elektrik dan kelewatan mendapatkan izin lalu daripada pemilik tanah. Projek ini telah disiapkan dalam tempoh EOT iaitu pada 13 November 2018.
- d. Projek Skim Pembetungan Keningau Fasa 2 telah dimulakan pada 7 November 2014 dan tarikh siap asal dalam kontrak adalah pada 6 November 2017 dengan kapasiti 100,000 PE. Semakan Audit mendapati pembinaan projek juga telah menyediakan rangkaian paip pembetungan sepanjang 19.1 km, pembinaan dua stesen pam serta penutupan empat LRK persendirian taman perumahan/kawasan komersil/premis kerajaan selaras dengan skop projek. Tahap operasi semasa LRK adalah 39,613 PE (39.6%). Projek Skim Pembetungan Keningau Fasa 2 diluluskan satu EOT mulai 7 November 2017 hingga 30 Jun 2018 sebanyak 235 hari. EOT diluluskan kerana kelewatan penyambungan meter SESB ke LRK. Projek telah disiapkan pada 29 Jun 2021. Kontraktor telah dikenakan denda kelewatan berjumlah RM81,040.95 dan telah dibayar sepenuhnya oleh kontraktor.
- e. Projek Skim Pembetungan Tenom Fasa 1 telah dimulakan pada 7 Ogos 2015 dan siap sepenuhnya pada 12 Julai 2019 dengan kapasiti 10,000 PE. Pembinaan projek telah menyediakan rangkaian paip pembetungan sepanjang 5.3 km, satu stesen pam serta penutupan satu LRK persendirian taman perumahan/kawasan komersil/premis kerajaan selaras dengan skop projek. Tahap operasi semasa LRK adalah 3,000 PE (30%). Projek Skim Pembetungan Tenom Fasa 1 diluluskan dua EOT sebanyak 631 hari sehingga 29 April 2019. Kelulusan EOT disebabkan kontraktor tidak dapat memasuki tapak projek atas halangan pemilik tanah dan disebabkan Pegawai Pengguna Projek (SO) mengambil masa memproses kelulusan kaedah kerja *pipe jacking method*. Bagaimanapun, projek telah disiapkan pada 12 Julai 2019. Kontraktor telah dikenakan denda kelewatan berjumlah RM255,500 dan telah dibayar sepenuhnya oleh kontraktor.

- f. Projek Skim Pembetungan Beaufort telah dimulakan pada 25 Disember 2015. Berdasarkan dokumen kontrak, jadual asal siap projek ialah pada 24 Disember 2018. Projek telah diluluskan dua EOT sebanyak 1,276 hari sehingga 22 Jun 2022. Bagaimanapun, sehingga 31 Disember 2022 projek masih belum disiapkan. EOT 1 diluluskan mulai 25 Disember 2018 hingga 27 Januari 2020 sebanyak 399 hari. Kelulusan EOT disebabkan oleh kelewatan SO meluluskan lukisan reka bentuk bagi kerja-kerja tambahan pertama (APK No. 1). EOT 2 pula diluluskan pada 9 Jun 2021 bagi tempoh 28 Januari 2020 hingga 22 Jun 2022 sebanyak 877 hari. Kelulusan EOT disebabkan SO telah mengarahkan kerja-kerja tambahan kedua (APK No. 2). Bagaimanapun, kelulusan EOT ini diberikan selepas kontraktor mengemukakan *Notice of Default By The Government* pada 8 Jun 2021.
- g. *Notice of Default By The Government* telah dikemukakan oleh kontraktor atas alasan kontrak telah tamat pada 27 Januari 2020. Selain itu, tiada EOT diberikan kepada kontraktor bagi menyiapkan skop projek disebabkan isu belum selesai berkaitan tambahan skop kerja, lukisan binaan, pelarasan reka bentuk dan pemilikan tanah. Status kemajuan sebenar projek pada tarikh tersebut adalah 95% berbanding jadual yang ditetapkan 98.6% dan tiada kerja tambahan dilaksanakan oleh kontraktor selepas 8 Jun 2021.
- h. Berdasarkan laporan kemajuan projek, komponen projek yang telah disiapkan adalah LRK berkapasiti 80,000 PE dan dua stesen pam. Lawatan Audit pada 12 Mei dan 12 Jun 2023 mendapati berlaku mendapan tanah di tapak bina LRK yang menyebabkan kerosakan pada struktur bangunan yang dibina. Hampir keseluruhan tanah di tapak bina mengalami mendapan menyebabkan apron jatuh dan rosak serta beberapa struktur seperti tangga, pelantar dan tembok menjadi terampai, regang dan tergelincir dari kedudukan asal seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 4**.

GAMBAR 1



Staircase 20,000 PE
- Keretakan Struktur Kolam Disebabkan oleh Mendapan Tanah
(12.05.2023)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



Air Blower Room
 - Paip Dipotong Akibat Tanah Mendap Bagi
 Mengelakkan Gangguan Pada Struktur
 (12.06.2023)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



Air Blower Room
 - Apron Bangunan Jatuh Disebabkan Mendapan Tanah
 (12.06.2023)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Makmal LRK Beaufort
 - Bangunan Makmal Regang Akibat Mendapan Tanah
 (12.06.2023)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Selain itu, terdapat longgokan peralatan-peralatan mekanikal dan elektrik di tapak bina yang tidak disimpan dengan baik dan selamat. Semasa lawatan di tapak, pihak Audit mendapati longgokan pam *submersible* dan kabel elektrik diletakkan di bangunan terbuka yang terdedah dengan cuaca, vandalisme atau kecurian seperti dalam **Gambar 5** dan **Gambar 6**.

GAMBAR 5



LRK Beaufort
 - Peralatan Pam *Submersible* yang Tidak
 Disimpan Dengan Baik di Tapak
 (12.06.2023)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6



LRK Beaufort
 - Peralatan Elektrik yang Tidak Disimpan
 Dengan Baik di Tapak
 (12.06.2023)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

- j. Komponen projek yang belum disiapkan pula antaranya adalah rangkaian saluran paip pembetungan yang hanya dibina sepanjang 10km berbanding 22.8km yang ditetapkan. Jambatan paip beserta paip pembetungan dengan panjang 150m di Sungai Padas juga belum disiapkan di lokasi seperti dalam **Gambar 7**.



GAMBAR 7

Sungai Padas, Beaufort

- Antara Komponen Projek Jambatan Paip yang
Masih Belum Siap Dibina Merentasi Sungai Padas
(28.07.2023)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- k. Kesan daripada kelewatan penyiapan projek LRK Beaufort menyebabkan penduduk di kawasan berkenaan masih tidak mendapat manfaat daripada projek.

Maklum Balas JPP Sabah pada 12 September 2022 dan 28 Julai 2023

Pertukaran Pegawai Penguasa (SO) projek ini daripada Pengarah JKR Sabah kepada Pengarah JPP Sabah telah dibuat pada 11 November 2021. JPP Sabah akan mengadakan Mesyuarat Perbincangan Hala Tuju Projek bersama pihak KKR Sabah, Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah (JPBNS) dan pihak kontraktor bagi menentukan sama ada pihak kontraktor masih berminat untuk meneruskan kontrak atau pun tidak. Sekiranya kontraktor bersetuju untuk meneruskan kontrak, maka JPP Sabah akan memproses permohonan lanjutan masa (EOT) mengambil kira justifikasi proses ambil alih projek. Namun, sekiranya kontraktor memutuskan untuk tidak meneruskan kontrak, maka JPP Sabah akan membuat tindakan selanjutnya iaitu proses perolehan bagi menyiapkan projek ini.

Pendapat Audit

Prestasi projek pembinaan LRK awam adalah memuaskan kerana tiga projek berjaya disiapkan dengan kelulusan EOT dan LRK telah berfungsi sepenuhnya. Bagaimanapun, satu projek iaitu Skim Pembetungan Beaufort gagal disiapkan walaupun telah melepas tempoh EOT yang diluluskan.

5.1.2. Prestasi Fizikal Projek Membaiik Pulih Aset Pembetungan Awam

- a. Bagi tempoh RMKe-11, sebanyak 15 projek bernilai RM48.92 juta bagi membaik pulih aset pembetungan awam telah diluluskan. Kesemua projek dirancang untuk disiapkan sehingga akhir tempoh RMKe-11. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3.**

JADUAL 3
PENCAPAIAN FIZIKAL PROJEK MEMBAIK PULIH
ASET PEMBETUNGAN AWAM DI BAWAH RMKe-11

BIL.	PROJEK	KOS KONTRAK (RM Juta)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP (ASAL)	TARIKH SIAP (BARU/SEBENAR)	LANJUTAN MASA	
						BIL.	HARI
1.	Cadangan Memulih dan Membaiki Stesen-Stesen Pengepam Air Kumbahan Sedia Ada di Kawasan DBKK, Kota Kinabalu	10.00	31.03.2014	13.10.2015	11.10.2016	2	183
2.	Kerja Kecemasan Bagi <i>Sinkhole</i> di Jalan Teluk Likas dan Jalan Kota Kinabalu-Kudat (Penggantian Segera Paip Pembetungan Berdiameter (1200mm) di Jalan Teluk Likas KM1.00 dan Jalan Kota Kinabalu-Kudat KM7.50 & KM7.63)	3.30	14.03.2019	13.06.2019	13.07.2019	1	25
3.	Pelaksanaan Kerja Kecemasan di Bawah AP173.2 Bagi <i>Sinkhole</i> di Jalan Kota Kinabalu-Kudat (KM7.78) dan Kerja-Kerja Berkaitan di Kota Kinabalu	4.37	27.03.2019	26.09.2019	30.10.2019	1	35
4.	<i>Emergency Works Under AP173.2 for The Repair of Sewer Pipelines and Associated Works at MH-A43/1 To MHA-45, Jalan Kota Kinabalu-Kudat, Sabah</i>	3.85	13.10.2020	30.09.2020	31.12.2020	1	92
5.	Kerja-Kerja Membaiik pulih Paip Pembetung Lama Yang Telah Pecah dan Kerja-Kerja Berkaitan di Stesen Pam Central/Tawau	0.72	28.05.2018	27.01.2019	27.01.2019	-	-
6.	Projek Melaksanakan Kerja-Kerja CCTV Bagi Paip Pembetungan di Bawah Projek Skim Pembetungan Papar (<i>Rectification Works</i>) dan Lain-Lain Kerja Berkaitan	0.14	25.11.2016	19.12.2016	19.12.2016	-	-
7.	Membaiik pulih Loji Rawatan Kumbahan, Pam Stesen dan Rangkaian Paip Pembetungan Pihak Berkusa di Sandakan - Fasa E1	4.12	30.11.2016	29.08.2017	31.12.2017	2	43
8.	Membaiik pulih Loji Rawatan Kumbahan, Pam Stesen dan Rangkaian Paip Pembetungan Pihak Berkusa di Kota Kinabalu, Penampang, Putatan dan Papar - Fasa A1	5.83	30.11.2016	29.08.2017	30.12.2017	1	93
9.	Kerja-Kerja Pembetungan di Bawah Bidang Kuasa JKR Bagi Daerah Penampang dan Putatan - Fasa A2	2.03	20.02.2017	19.09.2017	18.11.2017	1	60
10.	Kerja-Kerja Kecemasan AP55 Untuk Pembetungan di Bawah Bidang Kuasa JKR Bagi Daerah Sandakan	1.48	27.02.2017	07.10.2017	07.10.2017	-	-
11.	Membaiik pulih Loji Rawatan Kumbahan, Pam Stesen dan Rangkaian Paip Pembetungan Pihak Berkusa Tempatan di Tawau - Fasa C1	1.43	06.07.2018	05.04.2019	25.08.2019	1	142

BIL.	PROJEK	KOS KONTRAK (RM Juta)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP (ASAL)	TARIKH SIAP (BARU/SEBENAR)	LANJUTAN MASA	
						BIL.	HARI
12.	Membaik pulih Loji Rawatan Kumbahan, Pam Stesen dan Rangkaian Paip Pembetungan Pihak Berkusa Tempatan di Lahad Datu - Fasa B1	1.47	26.11.2018	25.12.2019	16.08.2021	1	600
13.	Membaik pulih Loji Rawatan Kumbahan, Pam Stesen dan Rangkaian Paip Pembetungan Pihak Berkusa Tempatan di Tawau - Fasa C2	5.70	26.12.2018	25.02.2020	25.02.2020	-	-
14.	Membaik pulih Loji Rawatan Kumbahan, Pam Stesen dan Rangkaian Paip Pembetungan Pihak Berkusa Tempatan di Sandakan - Fasa E2	2.99	26.12.2018	25.12.2019	08.06.2020	1	160
15.	Membaik pulih Loji Rawatan Kumbahan, Pam Stesen dan Rangkaian Paip Pembetungan Pihak Berkusa Tempatan di Putatan - Fasa D2	1.49	23.09.2019	22.09.2020	22.09.2020	-	-
JUMLAH		48.92					

Sumber: Rekod Projek RMKe-11 JPP Sabah

- b. Berdasarkan Laporan Kemajuan Kerja Projek, pihak Audit mendapati 14 projek (93.3%) telah disiapkan dalam tempoh RMKe-11 manakala satu projek disiapkan dalam tempoh RMKe-12 iaitu pada 16 Ogos 2021. Semakan Audit selanjutnya mendapati lima projek disiapkan mengikut jadual asal dan 10 projek lagi disiapkan selepas diberikan kelulusan EOT antara 25 hingga 600 hari. Berdasarkan dokumen kelulusan lanjutan masa, pihak Audit mendapati kesemua EOT diluluskan kerana kelewatan bukan disebabkan kelemahan kontraktor iaitu melibatkan kelewatan pengeluaran skop kerja tambahan, kerja pengalihan kabel utiliti awam dan kelewatan pemilikan tapak.
- c. Secara keseluruhan, 14 projek membaik pulih aset pembetungan awam telah disiapkan dalam RMKe-11 termasuk lima daripadanya disiapkan dalam tempoh EOT manakala satu projek disiapkan dalam tempoh RMKe-12 dan disiapkan dalam tempoh EOT.

Maklum Balas JPP Sabah pada 12 September 2022 dan 28 Julai 2023

Projek pembinaan skim pembetungan dan projek menaik taraf dan menambah baik aset pembetungan awam tidak dapat disiapkan mengikut jadual kerana masalah pengalihan utiliti, kekurangan bahan binaan, perubahan reka bentuk yang mengambil kira kesesuaian di tapak dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pendapat Audit | **Prestasi projek membaik pulih aset pembetungan awam adalah memuaskan kerana 14 projek membaik pulih aset pembetungan awam telah disiapkan dalam RMKe-11 walaupun lima daripadanya disiapkan dalam tempoh EOT.**

5.2. Pencapaian Keberhasilan

5.2.1. Pematuhan Pelepasan Sisa Kumbahan Terawat

- Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 menetapkan kualiti rawatan kumbahan yang dilepaskan dari LRK ke dalam sumber air perlu mematuhi syarat-syarat pelepasan efluen. Jadual Kedua, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 menetapkan pelepasan efluen ke sumber air hendaklah tidak melebihi had bacaan bagi parameter yang ditetapkan. Had bacaan dibenarkan adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
HAD BACAAN DIBENARKAN PARAMETER PELEPASAN
SISA KUMBAHAN KE SUMBER AIR

BIL.	PARAMETER	UNIT	HAD BACAAN DIBENARKAN
1	Biochemical Oxygen Demand (BOD) pada 20°C	Mg/L	50
2	Chemical Oxygen Demand (COD)	Mg/L	200
3	Pepejal Terampai	Mg/L	100
4	Nitrogen Ammonia (Aliran Sungai)	Mg/L	50

Sumber : Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009, Akta Kualiti Alam Sekeliling

- Ujian Persampelan Analisis Kumbahan ke atas sisa kumbahan yang dilepaskan telah dijalankan oleh syarikat swasta yang berdaftar bagi LRK Tenom, LRK Keningau dan LRK Serantau Kota Kinabalu. Analisis Audit terhadap sijil analisis yang dikeluarkan bagi tahun 2020, 2021 dan 2022 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
ANALISIS SIJIL BACAAN PARAMETER PELEPASAN SISA KUMBAHAN KE SUMBER AIR TERHADAP LRK TENOM, LRK KENINGAU DAN LRK SERANTAU KOTA KINABALU BAGI TAHUN 2020, 2021 DAN 2022

BIL.	LOJI RAWATAN KUMBAHAN	TAHUN	BILANGAN UJIAN SETAHUN	BILANGAN PELANGGARAN KUALITI PELEPASAN SISA KUMBAHAN				
				BIOCHEMICAL OXYGEN DEMAND (BOD)	CHEMICAL OXYGEN DEMAND (COD)	PEPEJAL TERAMPAI	NITROGEN AMMONIA (ALIRAN SUNGAI)	
1.	LRK Tenom	2020	13	0	0	0	0	
		2021	47	0	0	0	0	
		2022	38	0	0	0	0	
JUMLAH			98	0	0	0	0	
2.	LRK Keningau	2020	13	0	0	0	0	
		2021	48	0	0	0	0	
		2022	38	0	0	0	0	
JUMLAH			99	0	0	0	0	
3.	LRK Serantau Kota Kinabalu	2020	47	0	0	0	0	
		2021	57	0	0	0	0	
		2022	51	0	1	0	0	
JUMLAH			155	0	1	0	0	
JUMLAH KESELURUHAN			352	0	1	0	0	

Sumber : Sijil Ujian Persampelan Analisis Kumbahan

- c. Sebanyak 98 ujian sisa kumbahan telah dijalankan di LRK Tenom, 99 ujian di LRK Keningau dan 155 ujian di LRK Serantau Kota Kinabalu bagi tahun 2020, 2021 dan 2022. Analisis Audit mendapati tiada pelanggaran parameter BOD, COD, pepejal terampai dan Nitrogen Ammonia di LRK Tenom dan LRK Keningau bagi ketiga-tiga tahun tersebut. Analisis ke atas hasil ujian yang dijalankan di LRK Serantau Kota Kinabalu pula mendapati kesemua parameter adalah dipatuhi bagi tahun 2020 dan 2021. Bagaimanapun, hanya terdapat satu pelanggaran bagi parameter COD pada tahun 2022.

Maklum Balas JPP Sabah pada 12 September 2022 dan 28 Julai 2023

Berdasarkan rekod keputusan analisis bagi persampelan kumbahan terawat di LRK Serantau Kota Kinabalu Selatan pada 14 Jun 2022 didapati bacaan bagi parameter Chemical Oxygen Demand (COD) adalah 298mg/l iaitu melebihi had bacaan dibenarkan iaitu 200mg/l. Pemantauan telah dilaksanakan dan keputusan analisis bagi persampelan bagi minggu berikutnya iaitu pada 21 Jun 2022 mendapati bacaan adalah 20mg/l dan telah mematuhi had bacaan yang dibenarkan. Berdasarkan pemerhatian, punca berlakunya ketidakpatuhan disebabkan oleh kemasukan kumbahan mentah yang mempunyai bacaan parameter Chemical Oxygen Demand (COD) melebihi bacaan had parameter reka bentuk loji iaitu 500mg/l.

Pendapat Audit | LRK yang telah siap dibina telah berfungsi bagi merawat sisa kumbahan yang mematuhi kualiti pelepasan yang dibenarkan bagi memulihara sumber air. LRK Beaufort pula tidak dapat berfungsi bagi merawat sisa kumbahan kerana projek belum siap dibina.

5.3. Pengurusan Perkhidmatan Pembetungan

5.3.1. Prestasi Kewangan

a. Peruntukan Pembangunan

- i. Projek pembinaan dan membaik pulih aset pembetungan awam negeri Sabah dibiayai melalui peruntukan pembangunan Kerajaan Negeri dan pinjaman Kerajaan Persekutuan. JPP Sabah telah diluluskan sejumlah RM702.87 juta bagi menyiapkan 19 projek. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PRESTASI PERBELANJAAN PROJEK PEMBINAAN DAN
PROJEK MEMBAIK PULIH ASET PEMBETUNGAN AWAM NEGERI SABAH

BIL.	NAMA PROJEK	KOS KONTRAK (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)					%
			RMKe-10	RMKe-11	RMKe-12	JUMLAH		
PROJEK PEMBINAAN								
1.	Skim Pembetungan Tanjung Aru	245.99	178.66	68.91	0.00	247.57	99.7	
	APK	2.30						
	Jumlah selepas APK	248.29						
2.	Skim Pembetungan Keningau Fasa 2	197.94	55.11	142.46	0.00	197.57	99.8	
	APK	(0.02)						
	Jumlah selepas APK	197.92						
3.	Skim Pembetungan Tenom Fasa 1	19.33	0.00	17.28	1.42	18.70	96.7	
4.	Skim Pembetungan Beaufort	180.13	1.15	178.20	3.90	183.25	97.3	
	APK	8.28						
	Jumlah selepas APK	188.41						
JUMLAH		653.95	234.92	406.85	5.32	647.09	99.0	
PROJEK MEMBAIK PULIH								
5.	Cadangan Memulih dan Membaiki Stesen-Stesen Pengepam Air Kumbahan Sedia Ada di Kawasan DBKK, Kota Kinabalu	10.00	5.64	4.34	0.00	9.98	99.8	
6.	Kerja Kecemasan Bagi <i>Sinkhole</i> di Jalan Teluk Likas dan Jalan Kota Kinabalu-Kudat (Penggantian Segera Paip Pembetungan Berdiameter (1200MM) di Jalan Teluk Likas KM1.00 dan Jalan Kota Kinabalu-Kudat KM7.50 & KM7.63)	3.30	0.00	2.96	0.00	2.96	89.7	
7.	Pelaksanaan Kerja Kecemasan di Bawah AP173.2 Bagi <i>Sinkhole</i> di Jalan Kota Kinabalu-Kudat (KM7.78) dan Kerja-Kerja Berkaitan di Kota Kinabalu	4.37	0.00	3.59	0.00	3.59	82.2	

BIL.	NAMA PROJEK	KOS KONTRAK (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)				
			RMKe-10	RMKe-11	RMKe-12	JUMLAH	%
8.	Emergency Works Under AP173.2 for The Repair of Sewer Pipelines and Associated Works at MH-A43/1 To MHA-45, Jalan Kota Kinabalu-Kudat, Sabah	3.85	0.00	2.78	0.50	3.28	85.2
9.	Kerja-Kerja Membaik pulih Paip Pembetung Lama yang Telah Pecah dan Kerja-Kerja Berkaitan di Stesen Pam Central/Tawau	0.72	0.00	0.68	0.00	0.68	94.4
10.	Projek Melaksanakan Kerja-Kerja CCTV Bagi Paip Pembetungan di Bawah Projek Skim Pembetungan Papar (Rectification Works) dan Lain-Lain Kerja Berkaitan	0.14	0.00	0.14	0.00	0.14	100
11.	Membaik pulih Loji Rawatan Kumbahan, Pam Stesen dan Rangkaian Paip Pembetungan Pihak Berkuasa di Sandakan - Fasa E1	4.12	0.00	4.12	0.00	4.12	100
12.	Membaik pulih Loji Rawatan Kumbahan, Pam Stesen dan Rangkaian Paip Pembetungan Pihak Berkuasa di Kota Kinabalu, Penampang, Putatan dan Papar - Fasa A1	5.80	0.00	5.70	0.00	5.70	97.8
			APK	0.03			
			Jumlah selepas APK	5.83			
13.	Kerja-Kerja Pembetungan di Bawah Bidang Kuasa JKR bagi Daerah Penampang dan Putatan - Fasa A2	2.03	0.00	2.03	0.00	2.03	100
14.	Kerja-Kerja Kecemasan A.P.55 untuk Pembetungan di Bawah Bidang Kuasa JKR Bagi Daerah Sandakan	1.48	0.00	1.39	0.00	1.39	93.9
15.	Membaik pulih Loji Rawatan Kumbahan, Pam Stesen dan Rangkaian Paip Pembetungan Pihak Berkuasa Tempatan di Tawau - Fasa C1	1.16	0.00	1.43	0.00	1.43	100
			APK	0.27			
			Jumlah selepas APK	1.43			
16.	Membaik pulih Loji Rawatan Kumbahan, Pam Stesen dan Rangkaian Paip Pembetungan Pihak Berkuasa Tempatan di Lahad Datu - Fasa B1	1.20	0.00	0.77	0.70	1.47	100
			APK	0.27			
			Jumlah selepas APK	1.47			
17.	Membaik pulih Loji Rawatan Kumbahan, Pam Stesen dan Rangkaian Paip Pembetungan Pihak Berkuasa Tempatan di Tawau - Fasa C2	5.70	0.00	5.01	0.00	5.01	87.9
18.	Membaik pulih Loji Rawatan Kumbahan, Pam Stesen dan Rangkaian Paip Pembetungan Pihak Berkuasa Tempatan di Sandakan - Fasa E2	2.40	0.00	2.67	0.00	2.67	89.3
			APK	0.59			
			Jumlah selepas APK	2.99			
19.	Membaik pulih Loji Rawatan Kumbahan, Pam Stesen dan Rangkaian Paip Pembetungan Pihak Berkuasa Tempatan di Putatan - Fasa D2	1.49	0.00	1.38	0.00	1.38	92.6
JUMLAH		48.92	5.64	38.99	1.20	45.83	93.7
JUMLAH KESELURUHAN		702.87	240.56	445.84	6.52	692.92	98.6

Sumber: RMKe-11, Laporan Vot Perbelanjaan, Waran Peruntukan Dan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah Bagi Tahun 2019 dan 2020

- ii. Sebanyak tiga projek pembinaan yang telah disiapkan telah dibayar secara berperingkat dari RMKe-10 hingga RMKe-12 berjumlah RM463.84 juta (70.9%). Sebanyak 15 projek membaik pulih aset pembetungan awam yang telah disiapkan telah dibayar dalam RMKe-11 dan RMKe-12 berjumlah RM45.83 juta (93.7%). **Semakan Audit ke atas dokumen pembayaran mendapati sebanyak enam projek yang telah siap masih belum dibayar sepenuhnya disebabkan penilaian akhir projek masih dilaksanakan dan akaun muktamad masih dalam proses penyediaan.**
- iii. Bagaimanapun, projek Skim Pembetungan Beaufort hanya dibayar setakat RM183.25 juta berbanding RM188.41 juta kerana projek masih belum disiapkan.

Maklum Balas JPP Sabah pada 12 September 2022 dan 28 Julai 2023

Perbelanjaan bagi projek pembinaan Skim Pembetungan Beaufort tidak dapat dibuat sepenuhnya disebabkan pihak kontraktor telah mengemukakan surat *Determination by Contractor* kepada SO terdahulu bertarikh 9 Ogos 2021. Interim terakhir yang dibayar kepada kontraktor adalah Interim No.14 yang telah diterima pihak kontraktor pada 24 Julai 2023 dan jumlah perbelanjaan terkini adalah RM183.25 juta. Bagi projek membaik pulih, JPP Sabah akan memastikan akaun muktamad disediakan dengan segera dan pembayaran sepenuhnya dibayar kepada kontraktor yang telah menyempurnakan syarat kontrak.

Pendapat | Prestasi kewangan adalah memuaskan kecuali bagi projek Skim Audit | Pembetungan Beaufort yang belum dibayar sepenuhnya.

5.3.2. Penguatkuasaan Enakmen Perkhidmatan Pembetungan 2017

- a. Enakmen Perkhidmatan Pembetungan 2017 telah diluluskan di DUN Sabah pada 23 November 2017 dan mula berkuat kuasa pada tarikh pewartaan pada 9 Jun 2022. Penguatkuasaan enakmen tersebut menjadikan JPP Sabah sebagai entiti tunggal berkaitan perkhidmatan pembetungan di negeri Sabah. Antara kuasa yang terkandung dalam enakmen tersebut adalah pelesenan, caj, penalti dan kompaun bagi perkhidmatan pembetungan.

- b. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2022, JPP Sabah masih belum memuktamadkan kadar caj, penalti dan kompaun berkaitan dengan perkhidmatan pembetungan walaupun enakmen telah berkuat kuasa pada 9 Jun 2022. Selain itu, garis masa bagi memuktamadkan peraturan tersebut tidak ditetapkan. Perkara ini menyebabkan JPP Sabah tidak dapat menguatkuaskan sepenuhnya perkhidmatan pembetungan negeri Sabah serta mengutip hasil di bawah bidang kuasa JPP Sabah.

Maklum Balas JPP Sabah pada 12 September 2022 dan 28 Julai 2023

JPP Sabah telah menyediakan kertas kabinet bagi Peraturan Caj dan telah dibentangkan di kabinet terdahulu. Status terkini bagi peraturan caj dan peraturan lesen masih dalam proses pembetuluan bersama KKR Sabah dan JPBNS. Ini bagi memastikan sesuatu peraturan yang dibuat dan bakal dikuatkuasakan oleh JPP Sabah adalah suatu peraturan yang cukup baik dan seterusnya mengambil kira pelbagai aspek perundangan serta aspek kesan risiko kepada JPP Sabah serta orang awam.

Penyediaan *Standard Operating Procedures (SOP)* serta templat kertas siasatan dan buku kompaun mengambil masa kerana penyediaan tersebut memerlukan *check and balance* atau semakan di peringkat jabatan serta daripada KKR Sabah dan JPBNS. JPP Sabah berhasrat untuk menguatkuasakan peraturan-peraturan ini pada awal tahun 2024.

Pendapat Audit	Kadar caj, penalti dan kompaun yang belum dimuktamadkan menyebabkan hasil perkhidmatan pembetungan belum dapat dikutip.
-----------------------	--

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa tiga (75%) projek pembinaan infrastruktur perkhidmatan pembetungan awam dan kesemua (100%) projek membaik pulih aset pembetungan awam telah disiapkan dan telah berfungsi sepenuhnya kecuali Skim Pembetungan Beaufort. Skop projek yang telah siap dibina telah tercapai dan dapat merawat sisa kumbahan dengan mematuhi had pelepasan yang dibenarkan. Bagaimanapun, terdapat isu kadar caj, penalti dan kompaun yang belum dimuktamadkan bagi membolehkan hasil perkhidmatan pembetungan dikutip oleh JPP Sabah.

7. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang berbangkit adalah disyorkan supaya KKR Sabah dan JPP Sabah yang terlibat secara langsung dengan perkhidmatan pembetungan mengambil tindakan berikut:

- 7.1. menyiapkan projek Skim Pembetungan Beaufort termasuk menyelesaikan isu berbangkit iaitu permohonan penamatan sukarela;
- 7.2. memperincikan dan memuktamadkan kadar caj, penalti dan kompaun dalam EPP 2017 bagi membolehkan JPP Sabah mengenakan dan mengutip hasil perkhidmatan pembetungan; dan
- 7.3. menetapkan satu garis masa bagi memuktamadkan peraturan enakmen bagi menguatkuasakan sepenuhnya perkhidmatan pembetungan negeri Sabah serta mengutip hasil di bawah bidang kuasa JPP Sabah.